

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan dan Latar Belakang Kajian

Percampuran kod merupakan satu fenomena linguistik yang kerap wujud dalam masyarakat yang bermultibudaya dan bermultibahasa. Pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia yang bermultibahasa kerap mencampurkan item-item leksis bahasa Inggeris, bahasa Melayu atau dialek-dialek lain (seperti Kantonis, Hokkien, Hakka) ke dalam ayat-ayat yang dituturi dalam perbualan (Chan, 2004). Lama-kelamaan, fenomena percampuran kod ini bukan sahaja wujud dalam perbualan atau wacana, tetapi juga terbawa-bawa ke dalam bahasa bertulis. Pengkaji mendapati bahawa penulis-penulis berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina setempat kerap mencampurkan bahasa lain seperti item-item leksis bahasa Inggeris secara interlingual ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina.

Berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina setempat merupakan berita terkini yang berkaitan dengan bidang hiburan setempat, Hong Kong atau Taiwan. Berita hiburan tersebut adalah melaporkan keadaan semasa seseorang artis atau pasukan muzik, filem terkini, drama bersiri yang ditayangkan, berita gosip tentang soal percintaan seseorang artis, aktiviti-aktiviti hiburan yang meriah dan sebagainya.

Oleh sebab kebanyakan masa pemberita di Malaysia tidak menemubual artis-artis di negara lain atau menghadiri majlis besar bidang hiburan yang diadakan di luar negara seperti Hong Kong dan Taiwan, maka kebanyakan maklumat tentang hiburan Hong Kong dan Taiwan adalah dimuat turun daripada laman web internet terlebih dahulu. Selepas itu,

maklumat berita hiburan tersebut akan diorganisasikan oleh pemberita-pemberita hiburan akhbar Cina setempat. Berita hiburan tersebut adalah ditulis dengan menggunakan bahasa Cina berbau Malaysia, tetapi isi-isi penting berita hiburan Hong Kong dan Taiwan tidak diubah. Justeru, bahasa yang digunakan untuk menulis berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia tidak berbau dialek Kantonis, sebaliknya ia bercorak bahasa Cina setempat. Ini merupakan laras bahasa berita hiburan di samping menunjukkan ciri-ciri laras bahasa berita hiburan. Sebahagian besar daripada berita-berita hiburan tersebut adalah diambil dari Hong Kong dan Taiwan, maka cara penulisan berita-berita hiburan bahasa Cina tersebut adalah dipengaruhi oleh negara-negara ini. Kebanyakan data-data adalah dalam bentuk temubual dan mempunyai banyak cakap ajuk. Namun, berita-berita hiburan ini diedit, diubahsuai, dicetak dan dibaca oleh pembaca-pembaca di Malaysia, oleh itu data-data ini adalah relevan.

Kebelakangan ini, fenomena percampuran kod bukan sahaja wujud dalam pertuturan seharian, malah fenomena ini juga wujud dalam penulisan seperti dalam berita hiburan yang terdapat dalam akhbar-akhbar. Menurut Holmes (2001), setiap bidang mempunyai laras bahasanya yang tersendiri. Misalnya, dalam bidang perubatan terdapat laras bahasa perubatan, sebagai contoh, frasa yang berbunyi “kencing manis” tidak digunakan dalam laras perubatan sebaliknya istilah yang berbunyi “diabetes” digunakan. Begitu juga dengan bidang sains dan teknologi pula juga mempunyai laras bahasanya yang tersendiri. Bidang hiburan juga mempunyai laras bahasanya yang tersendiri iaitu laras bahasa hiburan.

1.2 Pernyataan Masalah

Akhbar ialah bahan bacaan semasa yang sangat popular di Malaysia. Salah satu fungsi akhbar yang penting adalah untuk memberi hiburan dan menghantar maklumat hiburan kepada pihak pembaca. Kebelakangan ini, fenomena percampuran kod telah wujud dalam perbualan seharian lebih-lebih lagi dalam penulisan berita-berita hiburan yang terdapat dalam akhbar-akhbar tempatan di Malaysia. Perkembangan bahasa Cina dalam fenomena percampuran kod telah menjadi satu trend dunia baru dan mencerminkan perubahan sesuatu masyarakat.

Ramai pengguna bahasa Cina setempat cenderung mencampurkan kod-kod lain ke dalam bahasa lisan mahupun bahasa bertulis yang digunakan. Tambahan pula, pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia juga biasa mencampurkan sepatah dua kata bahasa Inggeris ke dalam bahasa Cina yang digunakan atau dituturi.

Sesetengah ahli linguistik seperti Chen (1998) menyatakan bahawa percampuran kod dalam bahasa merupakan punca pencemaran bahasa dan kesilapan bahasa. Namun, pengkaji mendapati laras bahasa hiburan tidak seformal laras bahasa formal seperti bahasa perundangan, keagamaan, perubatan, sains, ilmiah dan sebagainya. Justeru, fenomena percampuran kod dalam laras bahasa hiburan tidak wajar dipandang sebagai pencemaran bahasa semata-mata, sebaliknya ini mungkin merupakan salah satu ciri-ciri linguistik bagi laras hiburan bahasa Cina di Malaysia. Tambahan pula, percampuran kod dalam bahasa hiburan di Malaysia mungkin membayangkan perkembangan bahasa Cina setempat.

Adalah difahamkan bahawa terdapat banyak mata pelajaran yang dipelajari dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah sama ada

sekolah rendah mahupun sekolah menengah setelah dilaksanakan sistem pendidikan dwibahasa. Bahasa Inggeris mula dianggap sebagai bahasa yang berprestij tinggi. Adakah fenomena percampuran kod melicinkan perbualan antara penutur dwibahasa atau multibahasa? Percampuran kod merupakan gaya bahasa yang menonjol pada masa kini terutamanya melibatkan bahasa Inggeris.

1.3 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji fenomena percampuran kod dalam ruang berita hiburan tiga akhbar bahasa Cina di Malaysia pada tahap leksis. Objektif penyelidikan ini akan memberi fokus kepada aspek-aspek berikut:

- i. Mengenalpasti kelas-kelas kata item leksis bahasa Inggeris yang telah dicampurkan ke dalam ayat-ayat dalam berita-berita ruang hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.
- ii. Mengkaji ciri-ciri linguistik kata-kata bahasa Inggeris tersebut.
- iii. Mengkaji sebab-sebab yang mengakibatkan item-item leksis bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam berita-berita hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia.

1.4 Kepentingan Kajian

Berita-berita dalam ruang hiburan yang terdapat di dalam akhbar bahasa Cina memang memperlihatkan cara pertuturan serta penggunaan bahasa di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang dan bermultilingual. Pengkaji mendapati bahawa pengguna-

pengguna bahasa Cina di Malaysia memang cenderung mencampurkan kod lain ke dalam bahasa Cina yang digunakan dalam pertuturan seharian. Ciri-ciri perkembangan bahasa Cina dapat diperlihatkan melalui percampuran kod dan pengalihan kod dalam bahasa Cina. Percampuran kod lain seperti bahasa Inggeris ke dalam ayat-ayat bahasa Cina dalam bidang pengiklanan, hiburan, bahasa internet serta kewujudan bahasa trend dalam perbendaharaan bahasa Cina menunjukkan perkembangan bahasa Cina di Malaysia (Lau, 2007).

Oleh sebab kajian tentang fenomena percampuran kod dalam bahasa bertulis tidak banyak dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lepas, tambahan pula, pengkaji juga ingin mengetahui ciri-ciri item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia serta faktor-faktor yang menyebabkan percampuran kod berkenaan, maka penyelidikan ini telah dijalankan.

Penyelidikan ini penting dan bermakna kerana pengkaji berharap ia dapat menarik minat lebih ramai ahli linguistik untuk membuat kajian tentang percampuran kod dalam ruang berita hiburan akhbar-akhbar tempatan pada masa hadapan. Sekiranya kajian ini berjaya, pengkaji juga berharap hasil kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada para pendidik semasa menyediakan pembelajaran dan pengajaran mereka agar memperoleh maklum balas yang diingini dengan lebih berkesan. Selain itu, pengkaji juga berharap kajian ini dapat memberi ilham dan sedikit sebanyak maklumat kepada penulis-penulis berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia mahupun di luar negara agar mereka boleh mencipta berita hiburan dengan mengambil kira aspek-aspek leksis dan sosiolinguistik.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi fokus kepada berita-berita hiburan bertulis dalam ruang hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia. Ketiga-tiga akhbar bahasa Cina tersebut ialah “*Guang Ming Daily*” (《光明日报 *Guāngmíng Rìbào*》), “*China Press*” (《中国报 *Zhōngguó Bào*》), dan “*Mun Sang Poh*” (《民生报 *Míngshēng Bào*》). Jangka masa yang digunakan untuk mengumpul data-data adalah selama lima bulan, iaitu dari bulan Januari 2007 hingga Mei 2007. Sebanyak 1000 ayat yang memiliki fenomena percampuran kod pada tahap leksis (kata) sahaja dipilih untuk membuat penyelidikan ini.

Pengkaji hanya mengkaji fenomena percampuran kod dalam ayat-ayat berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia sahaja. Sebaliknya, majalah-majalah dan akhbar-akhbar bahasa Cina di negara lain tidak dijadikan sebagai subjek kajian ini. Kajian ini hanya berkaitan dengan percampuran kod sahaja. Dengan kata lain, pengkaji tidak mengkaji fenomena linguistik lain misalnya pengalihan kod, penukaran kod dan pemindahan kod.

Selain itu, pengkaji mengkaji fenomena percampuran kod berkenaan dari segi bidang leksis dan sosiolinguistik sahaja, iaitu mengkaji ciri-ciri item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat hiburan bahasa Cina dari segi struktur linguistiknya, yakni pemindahan unsur bunyi, perubahan fungsi tatabahasa dan makna. Akhirnya, pengkaji mengkaji faktor-faktor yang mengakibatkan item leksis bahasa Inggeris yang berkenaan dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia, di mana pengkaji mengkajinya dari aspek sosiolinguistik.

1.6 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional bagi konsep-konsep penting dalam penyelidikan ini.

1.6.1 Bahasa

Berdasarkan *Kamus Dewan*, bahasa didefinisikan sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (*Kamus Dewan*, 2005:106). Bahasa merupakan alat komunikasi yang penting dalam kehidupan kita kerana ia digunakan oleh masyarakat untuk berkomunikasi dan berinteraksi terutamanya dalam penyampaian maklumat, fikiran dan perasaan oleh penutur atau pemberi maklumat kepada pendengar.

Bahasa hiburan digunakan oleh penulis-penulis artikel akhbar-akhbar untuk menyampaikan maklumat hiburan kepada pembaca terutamanya dalam ruang hiburan akhbar-akhbar agar menghiburkan hati pihak penerima maklumat atau pembaca. Oleh itu, bahasa di sini boleh didefinisikan sebagai medium mesej dalam bentuk tulisan yang disampaikan oleh pihak pemberi maklumat (penulis-penulis berita hiburan Cina) kepada pihak penerima maklumat (pembaca-pembaca berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia). Bahasa hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia tidak begitu standard, di mana sesetengah bahasa yang digunakan adalah tidak menepati tatabahasa atau nahu bahasa Cina.

1.6.2 Hiburan

Hiburan didefinisikan sebagai sesuatu perbuatan atau benda untuk menghiburkan, menyenangkan atau menenteramkan hati (*Kamus Dewan*, 2005:531). Hiburan atau dalam bahasa Inggerisnya, iaitu “*entertainment*” didefinisikan seperti di bawah:

“ *Entertainment is an amusement or diversion intended to hold the attention of an audience or its participants.* ”

(Wikipedia, 2007)

Ringkasnya, hiburan boleh didefinisikan sebagai satu peristiwa, persembahan atau kegiatan yang direka bentuk untuk memberi hiburan dan kegembiraan kepada pihak pembaca atau penonton. Berita-berita yang berbentuk penulisan dalam ruang berita hiburan akhbar-akhbar juga berperanan menghiburkan hati golongan pembaca atau pengguna-pengguna bahasa.

Hiburan merangkumi budaya, teknologi dan keadaan sesebuah masyarakat. Hiburan boleh dikatakan sebagai hasil komersial atau diwujudkan demi keperluan perniagaan, misalnya drama bersiri, wayang, berita hiburan dan berita sukan. Selain itu, hiburan merupakan sesuatu sama ada dalam bentuk lakonan, persembahan, nyanyian, muzik atau tulisan yang boleh menghiburkan hati penonton, pendengar atau pembaca, tetapi pada masa yang sama, hiburan juga boleh menyampaikan mesej dan ilmu kepada pihak penonton, pendengar atau pembaca, misalnya tayangan Sukan Olimpik bukan sahaja menyampaikan mesej kepada penonton tetapi juga membolehkan penonton mengetahui proses pertandingan, budaya tempat berkenaan dan fizikal manusia.

Justeru, bolehlah dikatakan bahawa hiburan merupakan sesuatu yang telah dibayangkan atau dipersembahkan melalui perasaan manusia serta sesuatu yang menunjukkan kemahiran seseorang kepada pihak penonton, pendengar atau pembaca (Bryant dan Miron, 2002). Kajian ini memberi fokus kepada berita-berita hiburan tentang artis-artis, drama-drama, lagu-lagu dan berita gosip tentang artis-artis.

1.6.3 Percampuran Kod

Poplack (1981) menjelaskan bahawa percampuran kod biasanya berlaku di satu titik dalam satu ayat. Titik percampuran kod berada dalam lingkungan struktur permukaan dua bahasa yang dipadankan bersama-sama.

Mclaughlin, 1984 (dlm Kuang, 1999) pula telah memberi definisi kepada percampuran kod seperti berikut:

“Code mixing occurs within the sentential level and usually involves lexical items”

(Mclaughlin, 1984: 79)

Bokemba (1989) mendefinisikan percampuran kod seperti berikut:

“ Code-mixing is the embedding of various linguistic units such as affixes (bound morphemes), words (unbound morphemes), phrases and clauses from a co-operative activity where the participants, in order to infer what is intended, must reconcile what they hear with what they understand. ”

(Bokemba, 1989: 121)

Muysken (2000) telah memberi definisi yang jelas kepada percampuran kod seperti berikut:

“ Code-mixing refers to all cases where lexical items and grammatical

features from two languages appear in one sentence. ”
(Muysken, 2000: 1)

Dalam penyelidikan ini, pengkaji berdasarkan definisi operasional tentang percampuran kod yang telah diberi oleh Poplack (1981), Mclaughlin, 1984 (dlm Kuang, 1999) dan Kachru (1978). Percampuran kod merujuk kepada fenomena linguistik yang terhasil daripada penyisipan item-item leksis bahasa lain (bahasa Inggeris) ke dalam satu ayat, iaitu ayat berita hiburan bahasa Cina yang sama. Tambahan pula, percampuran kod dalam penyelidikan ini merujuk kepada penyisipan item-item leksis bahasa Inggeris ke dalam satu ayat tunggal atau majmuk bahasa Cina, di mana fenomena linguistik ini berlaku dalam ayat (*intra sentence*) tetapi bukan antara ayat (*inter sentence*).

1.6.4 Item Leksikal / Item Leksis

Menurut “*Kamus Dewan Edisi Keempat*” (2005:912), item leksikal atau item leksis (词 *cí*) boleh ditakrifkan sebagai perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa, yakni bentuk bebas terkecil dalam bahasa yang boleh menjadi unsur dalam binaan tatabahasa. Tambahan pula, item leksikal boleh berdiri sendiri dan biasanya tidak boleh dipisah atau dibahagikan kepada bentuk atau unit yang lebih kecil lagi.

Setiap item leksis mempunyai sebutan, makna dan struktur yang tersendiri, namun satu item leksikal atau perkataan mungkin mempunyai lebih daripada satu sebutan dan makna. Biasanya makna sesuatu item leksis atau perkataan tidak akan berubah kecuali maknanya dalam komuniti atau masyarakat yang menggunakannya itu berubah.

Menurut Nik Safiah (2004), berdasarkan fungsi atau peranannya dalam aturan tatabahasa, item-item leksikal dalam hampir semua bahasa boleh dikategorikan kepada beberapa kelas kata, iaitu kata nama (merangkumi kata nama am dan kata nama khas), kata kerja, kata adjektif, kata bilangan, kata ganti (seperti kata ganti nama diri), kata tugas (termasuk kata penyambung ayat atau kata hubung, kata praklausa, kata prafrasa, kata sendi nama dan kata pascakata), kata penjodoh bilangan, kata seru, kata perintah dan sebagainya.

Tambahan pula, kata-kata pinjaman yang telah dikamuskan juga boleh dikategorikan sebagai item leksis sesuatu bahasa. Item leksis dalam sesuatu bahasa boleh dikategorikan ke dalam golongan-golongan tertentu berdasarkan beberapa kriteria, misalnya kriteria struktur fonologi atau bunyi, kriteria struktur morfem, kriteria sintaksis dan kriteria semantik. Setiap item leksikal dalam sesuatu bahasa mempunyai bunyi, bentuk tulisan dan maknanya yang tersendiri.

Dalam penyelidikan ini, item-item leksis merujuk kepada kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina yang berbentuk sama ada ayat tunggal atau ayat majmuk. Item leksis di sini tidak melibatkan frasa. Item-item leksis atau kata-kata di sini termasuklah kata nama, kata adjektif, kata kerja, kata ganda, kata meminta diri, kata awalan bilangan, kata seru, kata penafi, kata adverba, kata pembenar dan kata halus.

1.6.5 Bahasa Cina (BC)

Bahasa Cina (汉语 *Hànyǔ*, 华语 *Huáyǔ* atau 中文 *Zhōngwén*) adalah sebahagian dari rumpun bahasa Sino-Tibet. Dialek Beijing merupakan dialek yang utama di negara China. Justeru itu, dialek Beijing diisytiharkan sebagai bahasa rasmi di negara China dan digelar sebagai “普通话 *Pǔtōnghuà*”. Bahasa Cina digelar sebagai “国语 *Guóyǔ*” di Taiwan, manakala digelar sebagai “华语 *Huáyǔ*” di Malaysia dan Singapura (Wikipedia, 2006).

Bahasa Cina merupakan bahasa yang penting dalam masyarakat Cina. Kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi yang penting telah menjadikan bahasa Cina sebagai satu bahasa yang penting. Bahasa Cina telah menjadi bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Bahasa Cina berbeza daripada kebanyakan bahasa kerana tulisan bahasa Cina berbentuk segiempat (方块字 *fāngkuàizì*). Setiap perkataan mengandungi satu morfem. Bentuk, bunyi dan makna setiap perkataan juga berbeza. Bahasa Cina merupakan bahasa yang tidak mudah dipelajari kerana tulisannya rumit dan kompleks (Wikipedia, 2007).

Dalam penyelidikan ini, bahasa Cina merujuk kepada bahasa Mandarin yang digunakan dalam kalangan pengguna-pengguna bahasa yang berbangsa Cina dan berpendidikan di sekolah Cina di Malaysia. Bahasa Cina di sini bukan merujuk kepada “普通话 *Pǔtōnghuà*” atau “国语 *Guóyǔ*” tetapi adalah bahasa yang biasanya digunakan dalam media massa (seperti ruang berita hiburan) dalam kalangan pengguna-pengguna berbangsa Cina di Malaysia.

1.6.6 Bahasa Inggeris (BI)

Menurut *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia* (1988), bahasa Inggeris berasal daripada cabang bahasa Jermanik Barat daripada rumpun bahasa Indo-Eropah. Bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi di kebanyakan negara yang dahulunya terletak di bawah pemerintahan British. Di Malaysia, bahasa Inggeris yang berstatus tinggi digunakan dalam laras bahasa ekonomi, laras bahasa akademik, laras bahasa pengajaran Matematik dan Sains.

Selain daripada bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia, masyarakat Malaysia juga menggunakan bahasa Inggeris dalam pelbagai bidang. Kod Inggeris juga sering dicampurkan ke dalam penulisan bahasa Cina sehingga mewujudkan percampuran kod. Di Malaysia, hampir semua mata pelajaran yang dipelajari menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar terutama di peringkat sekolah menengah setelah dilaksanakan sistem pendidikan dwibahasa. Bahasa Inggeris mula dianggap sebagai bahasa yang mempunyai nilai dan prestij yang tinggi serta dapat menaikkan status individu sama ada masyarakat setempat atau antarabangsa.

Jika seseorang itu ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti di Great Britain atau di Eropah, seseorang itu mestilah menguasai kemahiran bahasa Inggeris untuk mendapatkan dermasiswa. Selain itu, penilaian kecekapan dalam suatu pekerjaan akan diberi keutamaan kepada orang yang mahir dalam menguasai bahasa Inggeris dan sebagainya (<http://www.brunet.bn/news/pelita/09ogos/sasbuday.htm>, 2007).

Pada dekad kebelakangan, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa antarabangsa walaupun bahasa lain seperti bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol masih mengekalkan kepentingan masing-masing di dunia. Selain daripada bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia, masyarakat Malaysia juga menggunakan bahasa Inggeris dalam pelbagai bidang dan konteks khususnya dalam konteks yang formal. Selain itu, kod Inggeris juga kerap dicampurkan ke dalam wacana atau pertuturan bahasa Cina sehingga mewujudkan fenomena percampuran kod (http://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Ingggris, 2007).

Di Malaysia, bahasa Inggeris telah dijadikan sebagai bahasa kedua penting selain daripada bahasa kebangsaan yakni bahasa Melayu. Bahasa Inggeris juga diiktirafkan sebagai bahasa berprestij tinggi di Malaysia selain daripada bahasa Melayu. Bahasa Inggeris bukan sahaja digunakan dalam penulisan dokumen penting dalam bidang pentadbiran, tetapi juga digunakan dalam bidang ekonomi, akademik, pengurusan, komersial, sains dan teknologi. Selain itu, bahasa Inggeris juga menjadi bahasa pengantar dalam sesetengah institusi pengajian tinggi di Malaysia.